

**MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK ISTIADAT PEMASYHURAN PRO CANSELOR 1  
& KONVOKESYEN UniSHAMS KALI KE-20 (BIL. 01/2018)**

---

**LAPORAN PENGURUSAN GALERI UniSHAMS**

---


**1. TUJUAN:**

Laporan ini dikemukakan untuk maklumat Mesyuarat Jawatankuasa Induk Istiadat Pemasyhuran Pro Canselor 1 & Konvokesyen UniSHAMS Ke-20 (01/2018) berhubung Pengurusan Galeri UniSHAMS.

**2. LAPORAN KERJA**

2.1 Jawatankuasa Pelaksana Galeri UniSHAMS telah mengadakan beberapa sesi perbincangan sejak awal tahun untuk mengenalpasti rekabentuk galeri yang sesuai untuk dirasmikan oleh KDYMM Tuanku Canselor sempena Istiadat Pemasyhuran Pro Canselor 1 & Konvokesyen Ke-20 UniSHAMS yang dicadangkan pada September 2018.

2.2 Sebanyak 16 unit struktur binaan galeri bersaiz 8 kaki X 4 kaki X 1 ½ kaki akan dibina oleh staf Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan menggunakan *plywood* dan kayu ketam. Bahagian hadapan struktur ini akan dibaluti dengan *skin tarpolin inkjet*, manakala bahagian belakangnya akan dicat.



2.3 Kerja-kerja pendawaian untuk memasang lampu bagi memberi efek pencahayaan di dalam galeri juga akan dilakukan oleh staf Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan.

2.4. Pensyarah Jabatan Multimedia Kreatif sedang melakukan kerja-kerja menata rias (*touch-up*) kepada koleksi foto yang telah dipilih supaya kelihatan lebih sempurna dan menarik untuk dipamerkan.

2.5 Klasifikasi koleksi adalah seperti berikut:

- Sejarah Penubuhan
- Canselor / Pro Canselor
- Pengerusi LPU
- Pengarah / Rektor
- Anugerah / Pencapaian (Lama – Terkini)
- Keratan Akhbar (Lama – Terkini)
- Perkembangan Kampus
  - \*Jalan Gangsa
  - \*Mergong / Jalan Kampung Baru
  - \*Kuala Ketil

- Konvokesyen – Gambar
- Perasmian Kampus (Pertama – Terkini)
- Ijazah Kehormat (Lama – Terkini)
- Lawatan Vip / Vvip (Lama – Terkini)
- Hasil Kerja Pelajar
- Ikon Pelajar
  - \*Akademi Al-Quran
  - \*Dai'e Pencetus Ummah
  - \*Hafazan
- Pemasyhuran Canselor

2.6 Jawatankuasa Pelaksana Galeri UniSHAMS telah berjaya menemubual seramai 9 orang personalia yang terlibat secara langsung semasa penubuhan INSANIAH daripada 30 orang yang dihubungi. Bahan-bahan temubual ini juga akan dipamerkan.

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Temubual
1.	Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Haji Othman Bin Haji Ishak	Pengarah INSANIAH Pertama (1995 – 1999)	27 Mac 2018
2.	Tuan Syeikh Mohamed Ali Bin Isa	Pustakawan INSANIAH Pertama dan mantan Dekan Kulliyah Bahasa Arab (1996 – 2017)	27 Mac 2018
3.	Tuan Haji Mohd. Najib Bin Haji Abdullah	Ketua Penolong Pendaftar dan Pendaftar Kedua (1996 – 2012)	22 Mac 2018
4.	Dato' Seri Amar DiRaja Dato' Seri DiRaja Tan Sri Haji Othman Bin Haji Aroff	Mantan Menteri Besar Kedah dan Pengasas INSANIAH	08 Mac 2018
5.	Prof. Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Bin Haji Din	Mantan Ahli Lembaga Pengarah INSANIAH	05 Mac 2018
6.	Dato' Bijaya Indera Dato' Paduka Haji Syed Unan Mashri Bin Syed Abdullah	Ahli Lembaga Pengarah	26 Februari 2018
7.	Dato' Murshid DiRaja Dato' Paduka Syeikh Muhamad Baderudin Bin Haji Ahmad	Mantan Dekan Kulliyah Usuluddin dan Mantan Ahli Lembaga Pengarah	20 Februari 2018
8.	Encik Mohammad Bin Haji Ibrahim	Ketua Pembantu Tadbir Pertama yang dipinjam oleh Kerajaan Negeri Kedah (1996 – 2005)	15 Februari 2018

2.7 Bagi melaksanakan penyediaan struktur binaan galeri ini, Jawatankuasa Pelaksana Galeri UniSHAMS memohon pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemasyhuran Pro Canselor 1 & Konvokesyen Ke-20 pada hari ini agar dapat meluluskan peruntukan kewangan yang dipohon bagi memudahkan pihak jawatankuasa untuk melakukan pembelian bahan dan peralatan yang diperlukan kerana tempoh masa yang semakin singkat iaitu kira-kira dua bulan sahaja (Julai dan Ogos) bagi melakukan persiapan.

2.8 Peruntukan kewangan yang diperlukan untuk membeli bahan dan peralatan diperincikan seperti berikut:

Bil.	Jenis	Kuantiti	Harga (RM)
1.	Plywood	60 unit x RM61.50	3690.00
2.	Kayu ketam 1x2	160 unit x RM15.30	2448.00
3.	Cat Putih (undercoat)	1 tong x RM75.00	75.00
4.	Cat Kuning	3 tong x RM100.00	300.00
5.	Skru	1 kotak x RM40.20	40.20
6.	Stapler gun	5 kotak x RM4.00	20.00
7.	Nail gun	3 kotak x RM10.00	30.00
8.	Skin tarpolin inkjet bersaiz 32' X 8'	2 unit x RM860.00	1720.00
9.	Varnish	5 unit x RM20.00	100.00
10.	Berus varnish	4 unit x RM7.50	30.00
11.	Paku frame	2 kotak x RM10.00	20.00
12.	Frame sealing tape	10 unit x RM10.00	100.00
13.	Wire Cable	3 gulung x RM70.00	210.00
14.	Socket, based plug top	32 set x RM10.00	320.00
15.	Track light focus adjustable	32 unit x RM42.29	1,353.28
16.	Wooden Opening Ceremony Plaq	1 unit x RM811.85	811.85
17.	Acrylic Sandwich (Size A3)	25 unit x RM77.00	1,925.00
18.	Acrylic Sandwich (Size A4)	20 unit x RM60.00	1,200.00
19.	A4 Glossy photo paper	50 sheet	20.00
20.	A3 Glossy photo paper	50 sheet	96.00
21.	Lain-lain kos (rencam)		500.00
<b>Jumlah</b>			<b>15,009.33</b>

### 3. PENUTUP

Sekian, dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemasyhuran Pro Canselor 1 & Konvokesyen Ke-20 pada hari ini berhubung laporan dan permohonan peruntukan kewangan kepada Jawatankuasa Pelaksana Galeri UniSHAMS.

*Disediakan oleh:*  
 Jawatankuasa Pelaksana Galeri UniSHAMS  
 Jun 2018